

# Beri peluang berucap pada perhimpunan agung November

UM - 13/8/2006

JOHOR BAHRU 13 Ogos - UMNO disaran memberi peluang kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berucap pada perhimpunan agung parti itu, November ini.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, langkah itu diyakini dapat menamatkan pelbagai isu dan kemelut yang kini melanda parti tersebut.

Menurutnya, menerusi *platform* itu, Dr. Mahathir boleh mengemukakan apa juga kemusykilan dan pandangannya terhadap isu-isu yang dibangkitkannya selama ini.

"Selepas itu, kita harap Tun akan keluar bersama-sama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu nada," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tebrau, di sini hari ini.